

Banjir kian pulih, jumlah mangsa menurun

KUANTAN - Banjir di negeri ini kian pulih apabila jumlah mangsa banjir yang berada di 43 pusat pemindahan sementara (PPS) terus menurun kepada 2,167 melibatkan 557 keluarga sehingga jam 5 petang semalam.

Bilangan mangsa banjir di daerah Pekan bagaimana pun meningkat kepada 1,423 dari 358 keluarga berbanding 1,386 (348 keluarga) yang dicatatkan pada sebelah pagi.

Bagi daerah Kuantan secara keseluruhan, banjir hampir pulih apabila hanya 405 mangsa daripada 112 keluarga masih berada di empat pusat pemindahan yang masih dibuka.

Temerloh yang menjadi daerah terbaharu dilanda banjir juga makin pulih apabila apabila lima daripada tiga keluarga masih berada pusat pemindahan di Surau Kampung Lompat.

Pusat pemindahan di daerah Bera kekal lima di Sekolah Kebangsaan (SK) Charuk Puting dan SK Kuala Triang, Masjid Kampung Mengkarak dan Masjid Kuala Bera dan Balai Raya Kampung Seberang Guai dengan bilangan mangsa keseluruhan di daerah itu 141 orang (35 keluarga).

Bagi daerah Maran (193 mangsa, 49 keluarga) manakala mangsa banjir di Rompin, Jerantut dan dan Lipis sudah pulang ke rumah masing-masing apabila semua pusat pemindahan ditutup.

Jumlah itu dijangka terus menurun berikutan keadaan cuaca semakin baik petang semalam.